



30 Jun 2015  
30 June 2015  
P.U. (A) 136

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA (PERBADANAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR–FASA 2) 2015

### *HIGHWAY AUTHORITY MALAYSIA (INCORPORATION) (COLLECTION OF TOLL) (EAST COST EXPRESSWAY– PHASE 2) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA (PERBADANAN) 1980

PERINTAH LEMBAGA LEBUH RAYA MALAYSIA (PERBADANAN) (PUNGUTAN TOL)  
(LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 15(1) Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [*Akta 231*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri Kerja Raya dan dengan persetujuan Menteri Kewangan,membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 2) 2015.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mulai 1 Julai 2015 sehingga 30 September 2015.

**Pengenaan tol**

2. (1) Tol yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama dikenakan bagi penggunaan oleh mana-mana kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (2), ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 1 yang bermula di kilometer 76.10 di koordinat U+380860.267, T+445258.467 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 250.60 di koordinat U+435884.921, T+589311.032 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) termasuk Plaza Tol Cheneh di koordinat U+456379.279, T+585744.224 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Cukai di koordinat U+468857.997, T+589927.446 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Kijal di koordinat U+483928.764, T+596401.213 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Kertih di koordinat U+495539.264, T+601443.073 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Paka di koordinat U+507718.903, T+594694.809 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Kuala Dungun di koordinat U+524357.059, T+592645.491 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Bukit Besi di koordinat U+530949.732, T+577897.903 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Ajil di koordinat U+562585.677, T+564404.521 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Telemung di koordinat U+579364.884, T+556122.218 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan Plaza Tol Kuala Terengganu

di koordinat U+590148.39, T+558610.799 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan jalan-jalan sambungannya.

(2) Peta Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2 yang bagi pengunaannya tol dikenakan ditunjukkan dalam Jadual Kedua.

**Pengambilan tiket transit dan pembayaran tol**

3. (1) Seseorang pemandu kenderaan hendaklah, sebelum melalui mana-mana plaza tol masuk yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, mengambil satu tiket transit di plaza tol masuk itu dan hendaklah, sebelum melalui mana-mana plaza tol keluar yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, mengemukakan tiket transit itu di plaza tol keluar itu dan hendaklah membayar tol yang kena dibayar di bawah subperenggan 2(1).

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan suatu kad atau peranti elektronik hendaklah melalui lorong tol yang mempunyai mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau peranti elektronik ke mesin pembaca itu, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik itu.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan tag elektronik hendaklah, sebelum melalui lorong tag elektronik yang dikhaskan, mempamerkan tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik yang sah di cermin hadapan kenderaan dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada tag elektronik atau kad atau peranti elektronik itu.

(4) “Kad atau peranti elektronik” dan “tag elektronik” yang disebut dalam perenggan ini erti—

(a) kad atau peranti elektronik dan tag elektronik yang dibenarkan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol;

- (b) berhubung dengan sesuatu kad atau peranti elektronik, kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol; dan
- (c) berhubung dengan tag elektronik, tag elektronik yang boleh menyebabkan palang di lorong tag elektronik yang dikhaskan dinaikkan secara elektronik.

**Pengecualian daripada pembayaran tol**

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, tiada tol kena dibayar berkenaan dengan mana-mana kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

**JADUAL PERTAMA**  
[perenggan 2 dan subperenggan 3(1)]

**KADAR TOL BAGI TEMPOH 1 JULAI 2015 HINGGA 30 SEPTEMBER 2015  
(BAGI PLAZA TOL KELUAR CHENEH, CUKAI, KIJAL, KERTIH, PAKA, KUALA DUNGUN,  
BUKIT BESI, AJIL, TELEMUNG DAN KUALA TERENGGANU DI LEBUH RAYA PANTAI  
TIMUR-FASA 2)**

(1) Plaza Tol Masuk	(2) Tol Kena Dibayar (RM) Mengikut Kelas Kenderaan				
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
Karak	21.00	42.10	63.10	10.50	21.00
Lanchang	18.50	37.00	55.40	9.20	18.50
Temerloh	15.30	30.60	45.80	7.60	15.30
Chenor	13.70	27.40	41.10	6.80	13.70
Maran	9.60	19.20	28.80	4.80	9.60
Sri Jaya	8.00	16.00	24.00	4.00	8.00
Gambang	4.30	8.70	13.00	2.20	4.30
Kuantan	1.70	3.30	5.00	0.80	1.70
Jabor	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

Kelas Kenderaan

- Kelas 1: Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (tidak termasuk teksi dan bas)
- Kelas 2: Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (tidak termasuk bas)
- Kelas 3: Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (tidak termasuk bas)
- Kelas 4: Teksi
- Kelas 5: Bas

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah termasuk sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.